

13 NOV 1997

Mahathir-Ugutan

MAHATHIR TIDAK YAKIN RAKYAT MALAYSIA BERTINDAK GANAS

TAIPING, 13 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata rakyat Amerika Syarikat di negara ini tidak perlu berasa takut tentang keselamatan mereka berikutan kedutaannya di Kuala Lumpur menyatakan ada menerima panggilan telefon mengancam keselamatan mereka.

"Saya tidak yakin rakyat Malaysia akan bertindak ganas terhadap rakyat Amerika di negara ini," katanya kepada pemberita di sini ketika diminta mengulas kenyataan kedutaan Amerika mengenai ugutan itu hari ini.

Katanya rakyat Amerika di negara ini tidak perlu takut dengan ugutan itu "kerana kita tidak berkelahi dengan rakyat Amerika."

Kedutaan Amerika di Kuala Lumpur dalam satu kenyataan mengatakan menerima panggilan telefon yang membuat ugutan untuk membunuh empat rakyat Amerika di Malaysia.

Ia berkata ugutan itu merupakan satu daripada dua panggilan telefon, yang membuat ancaman terhadap rakyat Amerika di negara ini, yang diterimanya pagi ini.

Dalam kenyataan itu yang bertajuk: "Notis Penting Untuk Masyarakat Amerika Di Malaysia" kedutaan itu bagaimanapun berkata ia tidak dapat memastikan sejauh mana kredibiliti ugutan itu.

Perdana Menteri berkata beliau tidak fikir ugutan yang dibuat itu akan disusuli dengan tindakan.

Ia mungkin sekadar hanya untuk menyatakan kemarahan mereka terhadap perkembangan yang berlaku sekarang, katanya.

Dr Mahathir menegaskan bahawa tiada perkelahian antara rakyat Malaysia dengan Amerika dan beliau sendiri masih mempunyai banyak teman dari Amerika termasuk orang Yahudi.

Beliau menyifatkan sebagai tidak berasas sama sekali keselamatan orang Amerika di sini terancam dan dakwaan seumpama itu memberi "gambaran buruk terhadap kita, kononnya kita hendak bertindak ganas terhadap rakyat Amerika."

Kedutaan Amerika dalam kenyataannya berkata walaupun kredibiliti ugutan yang diterimanya tidak dapat dinilai, warga Amerika di negara ini dinasihatkan supaya berwaspada terhadap keselamatan diri mereka.

Katanya ini memandangkan antara lain peristiwa empat rakyat Amerika ditembak mati bersama seorang pemandu warga Pakistan di Karachi dan laporan akhbar hari ini tentang draf ketetapan yang hendak dikemukakan oleh seorang anggota Kongres Amerika terhadap Dr Mahathir.

Dr Mahathir juga mengesahkan bahawa beliau tidak akan mengadakan lawatan rasmi ke Kanada (Ottawa) yang dijadualkan pada 19 hingga 22 Nov kerana kurang sihat.

Bagaimanapun beliau akan menghadiri persidangan ketua-ketua negara Forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) yang dijadual berlangsung pada 24 hingga 25 Nov di Vancouver.

Menjawab pertanyaan, Perdana Menteri berkata beliau akan tetap membawa isu krisis mata wang pada persidangan itu.

Kepada satu soalan lain, Dr Mahathir berkata tiada rancangan pertemuan antaranya dengan Presiden Amerika Bill Clinton untuk membincangkan krisis mata wang.--BERNAMA

HK RON